

10/08/1998

Roslin: Tindakan saya bersebab

Norbakti Alias

PEMAIN kontroversi, Roslin Hashim, mengakui dia mementingkan diri sendiri apabila bertindak melulu mengetepikan latihan pusat skuad Sukan Komanwel negara tetapi mempertahankan ia bersebab.

"Memang saya mementingkan diri sendiri kerana yang bermain di gelanggang nanti adalah diri saya."

"Saya perlu menyiapkan diri sebagaimana yang diperlukan sebelum dapat membantu negara."

"Apa yang saya perjuangkan adalah demi kebaikan saya agar benar-benar bersedia untuk mendukung cabaran negara."

"Salahkah saya berbuat demikian sedangkan jika tidak berbekalkan persiapan yang disediakan, saya sendiri akan menanggung kecaman," katanya yang digugurkan Jumaat lalu kerana ponteng latihan pusat selama tiga hari berturut-turut.

Roslin berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menegur sikap pegawai dan pemain badminton negara yang disifatkannya sebagai lebih mengutamakan pendirian masing-masing daripada kepentingan negara.

Atas alasan itulah, Roslin berkata dia bersungguh-sungguh mahu mendapatkan khidmat jurulatihnya, Misbun Sidek, untuk membantunya menyiapkan diri.

"Ini adalah kejohanan penting untuk negara dan tentunya saya mahukan yang terbaik bagi menyiapkan diri," kata Roslin yang akan berlepas ke Singapura hari ini untuk menyertai Piala Konica yang bermula Rabu ini.

Mengenai tawaran Persatuan Badminton Malaysia (BAM) yang sedia menerimanya jika dia meninggalkan Kelab Nusa Mahsuri, Roslin berkata dia belum terlintas untuk berpatah balik sesudah bersusah-payah menebus kontraknya dengan harga lebih RM67,000 kira-kira dua tahun lalu.

"Terima kasih sajalah. Saya juga masih boleh bermain badminton di Nusa Mahsuri. Bukan BAM saja yang boleh uruskan badminton negara.

"Saya akan masuk kembali tapi selepas adanya perubahan pada BAM dari segi sistem pentadbiran dan pegawainya. Jika tidak, tak ada sebab untuk saya berbuat demikian," katanya.

Pada masa yang sama, BAM juga nampak tidak berminat mendapatkan semula cek bernilai RM200 daripada Roslin sebagai bayaran pendahuluan elaun harian pemain.

"Terpulanglah kepadanya jika dia mahu menunaikan cek itu. Saya tak kisah dengan apa yang mahu dilakukannya dengan cek itu," kata Presiden BAM, Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan.

Roslin turut menerima cek itu walaupun enggan menandatangani syarat penerimaan memasuki latihan pusat.

Jika mengikut perkiraan, Roslin hanya layak menerima RM20 untuk satu hari latihan pusat.

Mengenai siapa pemain simpanan yang baru dalam skuad negara selepas Wong Choon Hann diserapkan dalam skuad sebenar, Dr Fadzil berkata pihaknya tidak nampak ada keperluan untuk menamakan sesiapa dalam tempoh terdekat ini.

"Tak ada keperluan untuk kita namakan sekarang. Tujuh pemain yang didaftarkan sudah mencukupi buat masa ini," katanya.

(END)